

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA KAWASAN SABAH (RTM9)  
KOTA KINABALU, SABAH

OLEH

ROHAIDAH BINTI BADOR @ WARIDIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA KAWASAN  
SABAH (RTM), KOTA KINABALU SABAH**

**Oleh  
ROHAIDAH BINTI BADOR @ WARIDIN  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Pemasaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**2005**

1100039394

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya ROHAIDAH BINTI BADOR@WARIDIN (UK9130) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan

a.ada<sup>051</sup>

**Nama: ROHAIDAH BINTI BADOR@WARIDIN**

**Tarikh: 28 September 2005**

**Disahkan Oleh:**

  
**Penyelia KUSTEM**  
b / p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
**KUSTEM**

## DEDIKASI

Sepanjang pelatih menjalankan latihan industri di Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah (RTM) pelatih telah mempelajari banyak perkara baru terutamanya pengalaman berkerja. Pelatih berasa sungguh bertuah menjalankan latihan industri di RTM kerana sepanjang menjalani latihan industri selain dapat menimba ilmu tentang dunia pekerjaan pelatih juga mendapat pengalaman dalam menjaga tata tertib pergaulan di alam pekerjaan. Ini kerana, pergaulan di dalam suasana pejabat tidak sama dengan pergaulan sesama sahabat. Komunikasi yang wujud juga tidak sama kerana dalam suasana pejabat perlukan suasana formal dan sentiasa beretika dalam menjalankan tugas.

Di sini pelatih ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada individu yang terlibat kerana telah memberi tunjuk ajar yang baik dan sentiasa menegur kesilapan yang pelatih lakukan. Dan dari teguran itulah pelatih memperbaiki kualiti tugas yang diberikan. "Terima kasih daun keladi" Ucapan terima kasih ini pelatih tujukan kepada:

### **Pegawai dan kakitangan RTM**

- ◆ Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia Kawasan Sabah
- ◆ Pengawal Perkhidmatan Am
- ◆ Pengawal Pentadbiran

- ◆ Pengawal Bahagian Pembangunan Rancangan
- ◆ Pengawal Unit Pemasaran
- ◆ Pen.Pengawal Pentadbiran
- ◆ Pengelola Unit Rakam Khannah
- ◆ Ketua kerani Bahagian Pentadbiran
- ◆ Semua staf Bahagian Pentadbiran
- ◆ Semua staf Unit Rakam Khannah
- ◆ Semua staf Unit Pemasaran
- ◆ DJ-DJ RTM
- ◆ Unit kenderaan

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat saya menjalankan Latihan Industri dan dapat menyiapkan laporan akhir Latihan Industri ini. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha saya dari mula hingga akhir.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Ahmad Rusdi bin Abdullah kerana telah memberikan tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang menjalani Latihan Industri selama 3 bulan. Tanpa tunjuk ajar dari beliau tidak mungkin pelatih dapat menyiapkan laporan Latihan Industri ini dengan jayanya. Selain itu, pelatih juga ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian Encik Rusdi kerana telah sudi membuat tinjauan di tempat pelatih membuat Latihan Industri walaupun jauh di seberang laut. Tidak lupa juga kepada Puan Laila binti Mamat yang mana telah banyak membantu pelatih dalam menguruskan penempatan pelatih dalam organisasi.

Jutaan terima kasih juga pelatih ucapkan kepada pihak RTM kerana telah sudi memberikan peluang kepada pelatih untuk membuat Latihan Industri di RTM. Yang mana telah memberikan pengalaman yang begitu berharga buat diri pelatih dan pendedahan terhadap dunia pekerjaan.

Ucapan terima kasih ini juga pelatih tujukan kepada keluarga pelatih yang telah banyak bersabar dan memberikan semangat kepada pelatih dalam menjalani Latihan Industri dengan jayanya. Begitu juga dengan kawan-kawan yang banyak membantu pelatih semasa menjalani Latihan Industri.

Akhir kata pelatih sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak secara langsung. Semoga usaha dan jasa anda akan mendapat balasan kebaikan dan rahmat daripadanya.

Terima kasih.....



## PRAKATA

Latihan Industri yang dijalankan oleh pelatih adalah kursus wajib yang perlu diambil oleh setiap pelajar/pelatih. Setiap pelajar dikehendaki memilih organisasi pilihan masing-masing. Pelatih telah menjalankan Latihan Industri di Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah (RTM). Pelatih telah menjalani Latihan Industri selama tiga bulan. Dan selama tempoh itu juga pelatih telah didedahkan kepada alam pekerjaan yang sebenar.

Dalam tempoh itu juga, pelatih telah ditempatkan di dua tempat yang berasingan iaitu Bahagian Pentadbiran dan Unit Rakam Khannah. Di dua tempat tersebut pelatih telah mempelajari pelbagai aspek kerja samada tugas secara langsung dan tidak langsung. Di Bahagian Pentadbiran pelatih telah mempelajari selok-belok dalam pentadbiran. Walaupun pelatih diberikan tugas untuk membantu menguruskan fail namun pelatih juga terdedah kepada tugas-tugas lain seperti perekodan cuti, memproses borang cuti sakit, penjawatan, penempahan tiket serta membantu dalam tugas secara tidak langsung seperti melekatkan gambar pekerja pada 'name tag' pekerja, membuat kulit fail pekerja dan sebagainya. Tugas-tugas yang diberikan telah melatih pelatih supaya berkerja dengan penuh beretika dan bersungguh-sungguh.

Di Unit Rakam Khannah pula, spesifikasi tugas yang berbeza telah diberikan kepada pelatih. Di Unit ini, pelatih diberi tugas untuk membantu pekerja Unit

Rakam Khannah merakam lagu ke dalam komputer. Selain itu pelatih juga membantu menyusun CD ke dalam rak. Di unit ini, pelatih merasakan pengalaman yang cukup berharga kerana spesifikasi tugas yang diberikan amatlah menarik kerana berkaitan dengan muzik.

Selama menjalankan Latihan Industri selama tiga bulan di dua bahagian ini, pelatih telah belajar dan mendapat pelbagai pengalaman yang berharga iaitu dapat merasai pengalaman berkerja dalam dua bahagian yang berbeza. Selain itu, menjalani latihan industri di dua tempat yang berbeza ini dapat meningkatkan komunikasi pelatih kerana berkerja dalam suasana yang mempunyai pekerja pelbagai karektor.

**ISI KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

|   |           |
|---|-----------|
| <b>SENARAI JADUAL .....</b>                         | <b>ix</b> |
| <b>SENARAI GAMBAR RAJAH.....</b>                    | <b>x</b>  |
| <b>RINGKASAN EKSEKUTIF .....</b>                    | <b>xi</b> |
| <b>BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI</b>             |           |
| 1.1 Sejarah dan Pengenalan.....                     | 1         |
| 1.2 Maklumat Organisasi.....                        | 22        |
| 1.3 Carta Organisasi.....                           | 25        |
| 1.4 Aktiviti Organisasi.....                        | 26        |
| 1.5 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari.....            | 33        |
| <b>BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH</b>               |           |
| 2.1 Penemuan.....                                   | 37        |
| 2.2 Sistem Sedia Ada.....                           | 44        |
| 2.3 Mengenalpasti Masalah.....                      | 53        |
| 2.4 Analisis Masalah dan Perbincangan Penemuan..... | 54        |
| 2.5. Rumusan Analisis dan Perbincangan.....         | 54        |
| 2.6 Cadangan Penyelesaian.....                      | 61        |
| 2.7 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi.....        | 69        |
| <b>BAB 3: PENUTUP.....</b>                          | <b>74</b> |
| <b>RUJUKAN.....</b>                                 | <b>76</b> |
| <b>LAMPIRAN.....</b>                                | <b>77</b> |

**SENARAI JADUAL**

**MUKA SURAT**

Jadual 1 : Perkongsian waktu siaran bagi Sabah VFM.....30

Jadual 2: Frekuensi Sabah FM dan Sabah VFM.....30

**SENARAI GAMBAR RAJAH, GRAF, DIAGRAM****MUKA SURAT**

|   |    |
|---|----|
| Carta organisasi RTM.....                                   | 25 |
| Carta ahli pengurusan tertinggi RTM.....                    | 24 |
| Carta organisasi Bahagian Pentadbiran.....                  | 39 |
| Carta organisasi Unit Rakam Khannah.....                    | 43 |
| Logo RTM.....   | 20 |
| Carta aliran Sistem Perjalanan Fail di Bahagian Pentadbiran | 44 |
| Carta aliran Sistem Penempahan Tiket.....                   | 47 |
| Carta aliran Sistem Pendoketan.....                         | 50 |

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelatih telah menjalani Latihan Industri di Jabatan Penyiaran Malaysia Kawasan Sabah (RTM) Kota Kinabalu yang terletak di KM 2.4 Jalan Tuaran Kota Kinabalu dan beribu pejabat di Angkasapuri, Bukit Putra Kuala Lumpur. RTM mempunyai 2 bidang utama iaitu bidang rancangan dan kejuruteraan yang mana kedua-duanya saling memerlukan dan bergabung tenaga untuk menghasilkan siaran radio 24 jam sehari. Jabatan Penyiaran Sabah juga mempunyai objektif, misi, visi dan piagam pelanggan yang tersendiri dalam menghasilkan perkhidmatan siaran yang berkualiti kepada pendengar dan penonton khususnya di negeri Sabah. Latihan Industri (PGN 4799) merupakan satu kursus wajib yang mesti diambil bagi setiap pelajar-pelajar tahun akhir untuk program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia yang bermula pada 21 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005 yang lepas sebagai memenuhi syarat jam kredit program. Latihan Industri yang dijalankan oleh pelatih selama 3 bulan ini mempunyai objektifnya yang tersendiri iaitu untuk memberikan pendedahan kepada para pelatih kepada situasi sebenar alam pekerjaan selepas bergraduasi nanti. Latihan Industri ini juga bertujuan untuk memberikan pengalaman kepada pelatih di samping dapat mengaplikasikan teori dan konsep yang pernah dipelajari selama ini. Selama menjalani Latihan Industri di Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah (RTM), pelatih telah di tempatkan di dua buah bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Unit Rakam Khannah. Sepanjang berada di dua bahagian ini pelatih telah terdedah kepada pelbagai tugas yang mana merangkumi cara dan struktur pengurusan operasi di dalam jabatan. Semasa menjalani Latihan Industri dalam dua bahagian ini juga pelatih telah menemui tiga sistem yang diperlukan dalam laporan latihan industri. Sistem tersebut adalah sistem Perjalanan Fail di Bahagian Pentadbiran, Sistem Penempahan Tiket Kapal Terbang atau 'Ticketing' dan Sistem Pendoketan atau 'Doketing'. Latihan Industri yang dijalankan oleh pelatih juga memberikan pelbagai maklumat yang berkenaan dengan organisasi dan tempat pelatih di tempatkan untuk menjalani Latihan Industri. Dengan mengetahui maklumat-maklumat organisasi dan tempat pelatih di tempatkan, pelatih telah dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh sistem yang terdapat di Bahagian Pentadbiran dan Unit Rakam Khannah. Setelah dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh sistem, pelatih telah memberikan cadangan yang difikirkan sesuai untuk diaplikasikan oleh organisasi. Buah fikiran yang diberikan adalah bertujuan untuk mengurangkan masalah yang dihadapi di dalam sistem. Dengan adanya usaha untuk menangani masalah yang dihadapi dan adanya kerjasama di antara semua pekerja pastinya setiap masalah yang dihadapi dapat di atasi. Ini akan menjadikan RTM lebih berdaya saing dan dapat menghasilkan 'output' yang berkualiti dan bermutu untuk semua golongan lapisan masyarakat.